

Pembetulan

- mukasurat 3* “Sabah menjelang akhir abad ke-5 dan ke-16 ...” *ditukar kepada*
“Sabah menjelang akhir abad ke-15 dan ke-16...”
- mukasurat 7* “Pada waktu sebelum abad ke-6, kawasan ...” *ditukar kepada*
“Pada waktu sebelum abad ke-16, kawasan ...”

WARISAN SABAH

Pengenalan Ringkas
Sejarah dan Warisan Sabah

Muzium Sabah
Kota Kinabalu
1992

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
8 FEB 1993

Copyright © Sabah Museum 1992

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without the prior permission of the Department of Sabah Museum.

958-521
0276

69091

APB

28 SEP. 1992

Perpustakaan Negara
Malaysia

KATA PENGHANTAR

Buku ini dikeluarkan bersempena dengan Jambori Pengakap Malaysia yang ke-8, bertempat di Tambunan pada 14 - 21 November 1992.

Satu pameran telah dianjurkan bersempena dengan acara di Tambunan, namun ruang yang terhad tidak memungkinkan lanjutan maklumat bertulis tentang sejarah dan warisan Sabah dimuatkan pada pameran tersebut. Maka buku ini dihasilkan bukan sahaja untuk memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang kekayaan dan kepelbagaian warisan Sabah kepada pelawat-pelawat ke pameran tersebut serta pelawat-pelawat ke Muzium Sabah tetapi ia juga dapat digunakan sebagai cenderamata.

Buku ini merupakan pengenalan ringkas sahaja tetapi kami berharap ia berguna dan mampu memberi maklumat kepada pembaca semua dan seterusnya menjadi inspirasi untuk menjalankan penyelidikan sendiri mengenai Sabah.

Patricia Regis
Pegarah
Jabatan Muzium Sabah
Kota Kinabalu
1992

KANDUNGAN

KATA PENGHANTAR	iii
I. PENGENALAN KEPADA SABAH	1
II. ARKEOLOGI DI SABAH	4
III. SEJARAH MODEN SABAH	7
IV. a. PENDUDUK SABAH	13
b. PAKAIAN	14
c. TEKSIL	16
d. HIASAN DIRI	17
V. a. KRAFTANGAN	18
b. MUZIK DAN ALAT-ALATNYA	20
VI. MONUMEN	22
VII. TAMAN-TAMAN SABAH	25
VIII. PUSAT-PUSAT HIDUPAN LIAR	30

I. PENGENALAN KEPADA SABAH

Sabah, negeri yang kedua terbesar di Malaysia, terletak di utara pulau Borneo, pulau ketiga terbesar di dunia. Sabah meliputi kawasan seluas 72,500 kilometer persegi dengan pantai sepanjang 14,400 kilometer dengan Laut Cina Selatan terletak di pantai barat, Laut Sulu di sebelah timur laut dan Laut Celebes di sebelah selatan.

Dengan gelaran "NEGERI DI BAWAH ANGIN", Sabah tidak sahaja kaya dengan keindahan semulajadi tetapi ia juga kaya dengan warisan budaya penduduknya.

Flora dan Fauna


Sabah adalah kaya dengan berbagai-bagai jenis tumbuhan. Bunga terbesar di dunia *Rafflesia* dengan kuntumnya berukuran tiga meter garis pusat ditemui di Sabah. Banyak spesies angerik/orkid, periok kera dan *rhododendron* yang didapati tumbuh di Sabah.

Sabah adalah satu kawasan berbukit bukau. Kawasannya yang bergunung ganang disilangi dengan sungai-sungai yang mengalir melalui lembah-lembah menerusi dataran tanah yang subur. Banyak gua ditemui di hutan-hutannya. Gunung Kinabalu yang tertinggi di Asia Tenggara tersergam indah dengan ketinggian 4,101 meter.

Hutannya yang subur menghijau menjadi tempat lindungan bagi hidupan liar seperti badak sumbu Sumatra, orang utan, gajah, pelanduk, monyet, tupai terbang, rusa dan burung.

Penduduk dan Sejarah Sabah

Sabah juga dirahmati dengan penduduk berbilang kaum. Masyarakat aslinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan menggunakan lebih daripada 50 bahasa dan tidak kurang daripada 80 dialek.



Peta menunjukkan lokasi Sabah dalam Malaysia

Kumpulan etnik yang utama adalah: Dusun/Kadazan yang merupakan satu pertiga dari jumlah penduduk Sabah, Murut, Paitan dan Bajau. Kumpulan penduduk asli yang lain termasuk Bonggi, Iranun, Ida'an dan Brunei. Sebagai tambahan, kaum Cina merupakan kumpulan penduduk bukan asli yang terbesar. Dengan itu, Sabah adalah kaya dengan penduduk berbagai-bagai kaum dengan latarbelakang kebudayaan masing-masing.

Berdasarkan kepada jumpaan arkeologi, Sabah telah diduduki oleh penghuni sekurang-kurangnya 28,000 tahun yang lalu. Islam sampai di Sabah menjelang akhir abad ke-5 dan ke-16 melalui pedagang Arab dan India dan juga hasil dari pengembangan kerajaan Kesultanan Melayu Brunei.

Orang-orang Eropah datang ke Sabah dua abad kemudiannya. Dalam 1775, Syarikat Hindia-Timur British membuka tempat perdagangan di Pulau Balembangan. Bagaimanapun, Sabah telah ditadbir dengan jayanya oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British dari 1881 hingga 1942 apabila tentera Jepun menduduki negeri ini. Selepas kehancuran akibat peperangan, Sabah jadi jajahan British sehingga 31 Ogos 1963 apabila ia mencapai pemerintahan sendiri dari pihak British. Pada 16 September 1963, Sabah bersama Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu menjadi Persekutuan Malaysia.

II. ARKEOLOGI DI SABAH

Prasejarah

Sabah memulakan usaha menjejak prasejarahnya dalam tahun 1960-an dengan menjalankan penjelajahan gua-gua. Akan tetapi hanya dengan melalui kajian arkeologi baru-baru ini di kawasan Teluk Darvel (tapak terbuka Tingkayu, gua Baturong dan gua Madai) di pantai timur, memberi gambaran bahawa prasejarah Sabah bermula sekitar 28,000 tahun yang lalu.

Disimpulkan bahawa lebih 20,000 tahun dahulu aliran lahar dari gunung berapi Mostyn yang kini sudah mati itu mengempang Sungai Tingkayu lalu membentuk tasik. Peralatan zaman batu yang halus dijumpai di dasar bekas tasik yang dipercayai tapak pembuatan alat-alat zaman batu, yang kini ditanami dengan kelapa sawit. Alat-alat itu dikatakan antara yang terbaik sejenisnya di rantau Asia Tenggara dan menunjukkan kehadiran penghuni di persisiran tasik itu lebih daripada 17,000 tahun dahulu. Apabila tasik mengering maka gua pun kelihatanlah yang terbentuk daripada batu kapur masif di Baturong. Penghuni mulai berpindah dan tinggal di gua itu dalam jangka masa lebih kurang 5,000 tahun. Sama ada penduduk di gua itu adalah keturunan penduduk yang tinggal di persisiran tasik itu atau sebaliknya, tidak dapat dipastikan tetapi yang nyata penduduk gua itu tidak lagi membuat peralatan yang sama.

Pada 12,000 tahun yang lalu, tempat perlindungan di Baturong ditinggalkan. 2,000 tahun kemudian manusia mulai menempati gua-gua Madai yang lebih luas terletak di sebelah timur gua Baturong selama lebih kurang 3,000 tahun. Pada ketika itu paras laut sudah mencapai takat seperti sekarang. Sesudah itu gua-gua Madai juga ditinggalkan. Pada kira-kira tahun 1,000 sebelum masehi manusia menempati kembali gua-gua itu dengan membawa bersama peralatan baru seperti tembikar dan kemudian tembaga dan peralatan besi dan batu permata dari India yang akhirnya menjadi tinggalan di kawasan itu bersama-sama dengan peralatan sebelumnya yang kini menjadi satu bahan kajian para ahli arkeologi masa kini.

Sekitar tahun 500 masehi gua-gua Madai ditinggalkan sekali lagi dan seperti juga gua Baturong, gua Madai digunakan sekali-sekala untuk pengubumian. Satu penggunaan baru mulai timbul dengan kedatangan orang-orang Cina, penggemar sup sarang burung yang banyak terdapat di gua-gua itu. Sarang burung dikutip dan dijual bersama-sama dengan hasil hutan yang lain kepada orang-orang Cina sebagai tukaran untuk peralatan tembikar dan barang-barang lain dari China.

Beberapa benda lain yang berkaitan dengan sejarah awal Sabah termasuklah megalit, gua Batu Putih, Batu Berukir Lumuyu dan Jangkar Mengalum.

Megalit

Megalit adalah batu atau batuan yang sengaja diletakkan atau dibentuk (digores, diukir, dibentuk, dironggakan atau diimbangkan) oleh manusia. Di Sabah, kumpulan atau kawasan himpunan megalit yang menakjubkan daripada yang purba hinggalah kepada masa moden kini, boleh ditemui di kawasan sekitar Kota Kinabalu, hingga ke Tuaran di utara atau ke Papar di selatan.

Batu-batu ini telah sekian lama dianggap mempunyai kaitan penting dengan budaya atau upacara amal masyarakat. Sesetengah keadaan yang mendorong kegiatan yang melibatkan megalit termasuklah pembahagian harta antara pewaris, keramaian yang melibatkan kedudukan dan "ujian keberanian", upacara pengubumian dan sebagai memperingati sesuatu.

Batu Putih

Batu Putih adalah satu cenuram batu kapur yang tinggi, curam dan terencil, setinggi 129 kaki yang terletak lebih kurang setengah batu dari Sungai Kinabatangan. Batu Putih itu mempunyai tiga buah gua utama yang diketahui. Gua yang pertama di ketinggian pertengahan mempunyai kepentingan arkeologi yang menarik. Tiang-tiang kayu, keranda, serpihan porselin biru-putih, serpihan tembikar yang sudah mereput telah dijumpai di tempat itu.

Jangkar Mengalum

Jangkar Mengalum terletak di Pulau Mengalum, lebih kurang 20 batu nautika ke barat bandar Kota Kinabalu. Ia merupakan jangkar tentera laut yang dibina antara 1819 dan 1845 dengan berat lebih kurang dua tan, berukuran 10 kaki 3.25 inci panjang dari mercu ke mata jangkar dan 7 kaki 5 inci dari cangkuk kanan ke cangkuk kiri. Jangkar ini terus menimbulkan minat ahli sejarah kerana bila dan bagaimana ia boleh berada di pulau itu masih menjadi tanda tanya. Jangkar ini dihormati oleh nelayan-nelayan yang melalui kawasan itu dan penduduk di pulau-pulau berhampiran. Oleh itu bukanlah menjadi sesuatu yang ganjil bila kita melihat persembahan beras, tembakau, telur dan barang makanan yang lain diletakkan pada jangkar tersebut.

Batu Berukir Lumuyu

Batu Berukir Lumuyu adalah satu-satunya jenis itu yang diketahui di Sabah setakat ini. Batu berukir itu terletak di atas sebuah bukit kecil tidak berapa jauh dari kampung Bekuku, Ulu Tomani, daerah Tenom. Batu tersebut dijumpai oleh penduduk kampung dalam tahun 1977. Batu pasir yang telah mengalami hakisan itu berukuran 25 kaki kali 32 kaki diukir dengan pola-pola unik yang menyerupai raut wajah manusia, telapak kaki dan banyak lagi pola-pola lain. Asal usulnya masih belum diketahui dengan pasti tetapi menurut cerita rakyat, ukiran itu dibuat oleh enam orang bersaudara bagi meluahkan perasaan sedih kerana kehilangan adik bungsu mereka yang terbunuh.

III. SEJARAH MODEN SABAH

Kesultanan Brunei

Pada waktu sebelum abad ke-6, kawasan yang kini dikenali sebagai Sabah, Brunei dan Sarawak adalah berpusat pada kerajaan Brunei dan kerajaan Brunei juga merupakan pusat perdagangan dengan China. Wilayah ini sebaliknya dipengaruhi oleh dua kuasa besar pada waktu itu, iaitu *Sri Vijaya* di Sumatra dan kemudian *Majapahit* di Jawa.

Bagaimanapun, pada awal abad ke-15, Empayar Melaka di bawah pemerintahan Parameswara telah menyebarkan pengaruhnya dan seterusnya mengambil alih perdagangan Brunei. Perubahan ini menyebabkan agama Islam tersebar di wilayah Brunei oleh pedagang-pedagangnya pada akhir abad ke-15. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 telah menyebabkan Sultan Brunei mengambil alih kepimpinan Islam dari Melaka. Semasa pemerintahan Sultan Bolkuah, kerajaan Brunei telah memperluaskan pengaruhnya ke utara sehingga ke Luzon dan Sulu serta di sebelah selatan dan barat Borneo.

Kecuali dari Eropah, pendatang asing yang berurusan dengan Sabah (Borneo Utara) tidak meninggalkan sebarang rekod bertulis tentang kegiatan mereka di kawasan ini. Penduduk tempatan juga tidak memiliki sebarang rekod bertulis kecuali sejarah dan tradisi lisan mereka.

Pada 600 tahun masihi, orang-orang Cina telah datang untuk membuat perdagangan dan hubungan diplomatik dengan Borneo Utara. Rekod Sejarah Brunei (*Brunei Annals*) telah merakamkan tentang penempatan mereka di kawasan Kinabatangan. Bukti-bukti Arkeologi iaitu seramik yang ditemui di Borneo Utara menunjukkan bahawa orang-orang Cina ada menjalankan perdagangan secara bertukar barang, antara seramik orang-orang Cina dengan rempah ratus dari penduduk tempatan.

Kedatangan Pendatang Eropah

- 1521 : Pigafetta, seorang penulis sejarah Ferdinand Magellan tiba di Brunei dan telah disambut secara besar-besaran
- 1526 : Orang Portugis yang diketuai oleh Menezes melawat Brunei.
- 1577 : Kuasa Spanyol telah menakluk Filipina dan juga menyerang Brunei. Kesultanan Sulu juga ditakluk oleh Spanyol.
- 1609 : Belanda telah mendirikan pangkalan dagangan di selatan Borneo.
- 1619 : Belanda mendirikan pangkalan dagangan di Batavia (Jakarta), Jawa.
- 1658 : Sultan Brunei telah menghadiahkan kawasan timur laut Borneo kepada Sultan Sulu sebagai penghargaan baginda terhadap bantuan Sultan Sulu dalam menyelesaikan perang saudara di antara Sultan Abdul Mubin dengan Pengeran Mohidin.
- Persengketaan dalaman kerajaan Brunei merupakan satu faktor yang menyebabkan kejatuhan empayar tersebut.
- 1665 : Kapten Cowley telah melawat Borneo dan beliau merupakan orang Inggeris pertama yang melakukan lawatan ke Borneo.

Balembangan

Dalam tahun 1761, Alexander Dalrymple seorang pegawai dari Syarikat Hindia-Timur British di Madras, India telah membuat satu perjanjian dengan Sultan Sulu yang membenarkan beliau membuka satu pangkalan perdagangan di kawasan Borneo Utara. Beliau telah memilih Pulau

Balembangan kira-kira 20 batu dari utara bandar Kudat. Pada tahun 1763, Dalrymple telah mengibarkan bendera British di Balembangan dan menamakan pulau itu 'Felicia'. Kemudian seorang pegawai iaitu John Herbert dihantar untuk mendirikan penempatan di Felicia (Balembangan). Namun begitu penempatan ini menghadapi masalah sejak ia dimulakan.

Kepincangan urusan pentadbiran, rompak di laut dan kemusnahan kebakaran telah membawa kehancuran kepada pangkalan dagangan ini pada akhir 1775. Satu usaha untuk menyusun semula pangkalan ini telah dilakukan pada 1803 oleh General Gabenor India, Lord Arthur Wellesley melalui pegawainya Robert J. Farquhar, Residen di Amboina. Dalam usaha ini Felicia telah dijadikan stesen ketenteraan tetapi usaha tersebut gagal dan stesen ini ditinggalkan pada November 1805.

Perhatian British kemudian beralih kepada kawasan lain di gugusan pulau Melayu.

Labuan

Minat British terhadap Borneo Utara dihidupkan semula selepas tempoh 40 tahun khususnya Labuan, sebuah pulau yang terletak di sebelah barat laut Borneo. Pada 1844, James Brooke berunding dengan Sultan Brunei tentang penyerahan pulau Labuan untuk digunakan oleh British sebagai tempat melombong batu arang di samping dijadikan satu pangkalan untuk membenters kegiatan lanun serta meningkatkan perdagangan.

Pada 18 Disember 1846, satu perjanjian telah ditandatangani yang menyebabkan pulau Labuan dan pulau-pulau kecil yang berhampiran diserahkan buat selamanya oleh Sultan Brunei kepada pihak British. Brooke telah menjadi Gabenor Labuan yang pertama dan Konsul Besar di Borneo. William Napier dilantik menjadi Timbalan Gabenor, Hugh Low sebagai Setiausaha Kolonial dan Spencer St. John sebagai setiausaha sulit kepada Brooke. Labuan tidak mampu berkembang seperti mini Singapura atau Pulau Pinang, seperti yang diharapkan oleh pengagasnya.

Iklim yang tidak memuaskan, serangan malaria dan kekurangan kemudahan asas telah menjadi faktor penghalang kepada pembangunan pulau tersebut. Rentatan sejarah Labuan boleh dilihat daripada pelbagai perubahan pentadbirannya. Pada tahun 1890, Labuan telah diletakkan di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British. Pada 1907, ia diletakkan di bawah kerajaan Negeri-Negeri Selat. Selepas Perang Dunia Kedua, Labuan menjadi sebahagian daripada jajahan Borneo Utara. Kemudian pada 16 April 1984, Labuan telah menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Malaysia.

Syarikat Perdagangan Amerika (American Trading Company) dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (The British North Borneo Chartered Company)

Selepas kekecewaan British terhadap Labuan, minat British terhadap Borneo Utara pudar sehinggalah ke tahun 1881 apabila sebuah syarikat perdagangan, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British mula mentadbir Borneo Utara. Walau bagaimanapun kehadiran mereka telahpun didahului oleh pengaruh dan minat Amerika buat seketika.

Pada 1865, seorang konsul Amerika di Brunei, Claude Lee Moses telah berjaya menyewa Borneo Utara dari Sultan Brunei untuk tempoh 10 tahun. Kemudian beliau menjualnya kepada Syarikat Perdagangan Amerika (American Trading Company) yang dimiliki oleh J.W.Torrey, T.B. Harris dan beberapa orang pedagang Cina. Torrey memilih Kimanis, satu kawasan di barat daya Borneo Utara sebagai pangkalannya dan memulakan pembinaan penempatan lalu dinamakan 'Ellena'. Usaha mencari bantuan kewangan bagi membiayai pembangunan penempatan tersebut gagal lalu ditinggalkan. Dengan hampir menjelang tamat tempoh sewaan wilayah tersebut, Torrey berhasil menjual haknya kepada konsul Austria di Hong Kong iaitu Baron Von Overbeck. Overbeck berjaya memperbaharui tempoh sewaan tersebut untuk 10 tahun dari Tumonggong Brunei. Selain itu, Overbeck berhasil mendapatkan bantuan kewangan dari Dent bersaudara (Dent brothers - Alfred and Edward) bagi menampung perbelanjaan rancangan

yang dirancang untuk Borneo Utara. Beliau bersama Count Montgelas, dari Kedutaan Austro-Hungarian di London dan A.B. Mitford, seorang ahli politik kemudiannya telah memberikan hak-hak mereka kepada Alfred Dent.

Pada 1881, Dent telah membentuk 'British North Borneo Provisional Association Ltd.' (BNBPA). Pada 1 November Kerajaan British (British Crown) dengan rasminya memberikan Piagam Diraja (Royal Charter) kepada BNBPA. Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (British North Borneo Chartered Company, BNBBCC) dibentuk pada tahun 1882 dan lalu mengambil alih kuasa BNBPA. Sir Rutherford Alcock menjadi Presiden yang pertama dan Alfred Dent dilantik sebagai Pengarah Urusan.

Pada 1888, Borneo Utara telah menjadi negeri naungan British di mana kerajaan British akan melindungi Borneo Utara apabila diserang dan ini menjadikan Borneo Utara di bawah pengaruh British.

Pemerintahan Syarikat ini terhadap Borneo Utara telah memberi banyak pembangunan di kawasan ini. Borneo Utara diperintah melalui satu sistem pentadbiran secara hairaki (tidak langsung). Pada amnya pentadbiran berjalan dengan aman, namun begitu terdapat juga beberapa penentangan kecil. Penentangan yang serius termasuklah Perang Mat Salleh dari tahun 1894-1900 diikuti oleh penentangan Rundum yang dilakukan oleh suku Murut dalam tahun 1915.

Pihak BNBBCC berupaya memerintah Borneo Utara sehingga 1942, selama 60 tahun apabila Perang Dunia Kedua tercetus. Tentera Jepun mendarat di Labuan pada 1 Januari dan menduduki Borneo Utara sehingga ia dibebaskan oleh askar dari '9th Division Australian Imperial Forces (A.I.F)' pada tahun 1945. Selepas Perang Dunia Kedua, Borneo Utara telah ditadbir oleh Pentadbiran Ketenteraan British (British Military Administration) sehingga 15 Julai 1946 apabila kerajaan sivil disambung semula.

Tanah Jajahan British (Crown Colony)

Pada 15 Julai 1946, Borneo Utara diletakkan di bawah jajahan British kerana BNBCC tidak mampu membina semula kemusnahan Borneo Utara selepas Perang Dunia Kedua. Kemusnahan teruk yang dialami oleh bandar Sandakan telah menyebabkan Jesselton dipilih sebagai ibu negeri selepas era Perang Dunia Kedua dan status ini kekal ke hari ini. Sistem pentadbiran penjajahan selepas perang adalah sama dengan sistem pentadbiran pada era BNBCC. Pembinaan semula dan pembangunan negeri Borneo Utara menjadi fokus utama para pentadbir.

Kemerdekaan

Pada amnya keadaan negeri Borneo Utara adalah aman dan tenang sehingga tahun 1960-an apabila wujudnya kesedaran politik. Keinginan kemerdekaan seperti yang dicapai oleh negara lain telah sampai ke Borneo Utara. Penyebaran semangat ini bermula dengan pengumuman yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaya, Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 berkaitan dengan pembentukan Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Malaya, Borneo Utara, Sarawak, Brunei dan Singapura. Malaysia telah wujud dengan rasminya, tanpa Brunei, pada 16 September 1963 dan nama Borneo Utara telah ditukar kepada Sabah. Terdahulu dari itu, Borneo Utara telah mencapai kemerdekaan dari British pada 31 Ogos 1963. Bagaimanapun pada tahun 1965, Singapura keluar daripada Persekutuan Malaysia.

Penglibatan negeri Sabah dalam Persekutuan ini banyak membawa perubahan dari aspek pentadbiran, politik, sosial dan sebagainya. Sabah terus mengalami pembangunan yang pesat dan seterusnya memasuki era baru yang lagi mencabar sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia.

IV. a. PENDUDUK SABAH

Penduduk Sabah adalah terdiri dari berbagai-bagai kaum dengan latar belakang kebudayaannya masing-masing. Penduduk aslinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan dengan menggunakan lebih dari 50 bahasa dan tidak kurang dari 80 dialek.

Dusun/Kadazan

Kumpulan etnik yang terbesar adalah kaum Dusun/Kadazan yang merupakan satu pertiga dari jumlah penduduk Sabah. Mereka adalah petani secara tradisi yang menanam padi sawah dan padi huma dan sesetengah dari mereka memburu serta menangkap ikan sungai. Berbagai-bagai kumpulan kecil dalam kumpulan Dusun/Kadazan merangkumi kaum Kadazan di Penampang dan Papar, Lotud, Rungus dan kumpulan kecil yang lain di Tempasuk, Tambunan, Ranau dan daerah-daerah lain dengan sistem kepercayaan yang sama dengan beberapa variasi dari segi adat dan amalan.

Murut

Kaum Murut menetap di pedalaman dan kawasan tenggara Sabah serta di wilayah perbatasan antara Kalimantan dan Sarawak. Kebanyakan dari mereka adalah petani yang berpindah, pemburu dan sesetengah menangkap ikan sungai.

Bajau dan Kumpulan yang sama

Kaum Bajau dan kumpulan yang sama telah menetap di kawasan pantai Sabah sejak beberapa ratus tahun dan telah diiktiraf sebagai sebahagian dari penduduk asli negeri ini. Mereka bekerja sebagai petani dan nelayan di kawasan pantai barat di samping terkenal sebagai penunggang kuda. Di pantai timur, mereka secara tradisi adalah nelayan.

Kumpulan Lain

Kumpulan asli lain yang datang kemudian dan menetap di negeri ini termasuk kaum Suluk, berbagai-bagai kumpulan etnik Filipina selatan, Lundayeh dan Iban dari Sarawak dan Kalimantan, serta yang lain dari rumpun Melayu Indonesia.

Walaupun terdapat sesetengah penduduk asli ini masih mengamalkan hidup secara tradisi tetapi ramai daripada mereka telah berkecimpung dalam berbagai-bagai bidang sebagai pekerja kolar putih dan biru, peniaga, kakitangan perkhidmatan awam dan ahli politik.

Kumpulan Bukan Penduduk Asli

Kumpulan bukan penduduk asli yang terbesar di Sabah ialah masyarakat Cina. Mereka telah menetap di Sabah sejak abad yang lalu dan mereka merupakan kumpulan etnik yang terbesar selepas kaum Dusun/Kadazan.

Kumpulan-kumpulan etnik di Sabah dapat dibezakan di antara satu dengan yang lain melalui adat resam dan amalan masing-masing di samping kebudayaan kebendaan khususnya pakaian, bentuk serta penggunaan hiasan diri.

b. PAKAIAN

Tradisional

Kebanyakan pakaian tradisional yang dipakai oleh penduduk asli Sabah hari ini adalah penyesuaian moden yang dibuat dari pakaian asal. Pakaian-pakaian ini kebanyakannya berwarna gelap atau hitam dan lazimnya dihiasi dengan sulaman dan hiasan tepi yang banyak.

Satu ciri pakaian tradisi masyarakat asli yang sangat ketara ialah penggunaan tanjak yang dibuat daripada sekeping kain *dastar* berukuran tiga kaki persegi yang ditenun oleh kaum Iranun di Kota Belud. Apabila dilipat dan diikat, kain hiasan kepala atau *sigah* ini dipakai oleh kebanyakan kaum asli Sabah.

Warna Asas

Di kalangan masyarakat Dusun/Kadazan, hitam adalah warna asas tekstil yang digunakan untuk membuat berbagai-bagai bahan pakaian untuk lelaki dan wanita. Bagaimanapun, pada hari ini pakaian-pakaian ini banyak dihiasi dengan sulaman yang berwarna-warni, labuci yang kilat serta hiasan tepi daripadabenang emas yang diimport dan renda buatan tangan daripada benang emas yang juga diimport. Kesemuanya ini dipakai dengan tali pinggang duit syiling perak, rotan atau hiasan pinggang yang dibuat daripada manik, kalung manik serta hiasan perak dan lain-lain lagi. Kaum wanita memakai terendak dan/atau tudung untuk hiasan kepala sementara kaum lelaki memakai tanjak atau *sigah* mengikut bentuk dan gaya dari kawasan yang berkenaan.

Pakaian lelaki dan wanita Rungus, Dusun Tindal dan Lotud serta wanita Kadazan Papar adalah jelas kelihatan berwarna-warni dan berbeza. Setiap pakaian yang dipakai oleh mereka ini mempunyai bentuk, corak dan motif yang berbeza yang menjadi ciri kaum dan daerah masing-masing.

Persamaan

Persamaan yang nyata memang kelihatan dalam segi cara dan bentuk pakaian khususnya pakaian lelaki Dusun/Kadazan dan Bajau yang tinggal berjiran. Keadaan ini jelas kelihatan di kalangan Lotud dan Dusun Tindal di Kota Belud dan Bajau di Tuaran dan di Kota Belud. Lelaki dan wanita Bajau memakai baju berlengan kembang seperti pakaian yang dipakai oleh Dusun Tindal pada sesuatu upacara adat. Wanita Bajau memakai kain sarung yang mana dahulunya ditenun dengan tangan. Sarung tenunan tangan ini kini telah diganti dengan *kain songket* yang mudah diperolehi.

Pakaian-pakaian ini lazimnya dihiasi dengan beraneka jenis hiasan yang terdiri dari barang-barang kemas perak dan manik, hiasan diri dari perak dan tembaga, tali pinggang, tanjak, terendak serta selendang.

c. TEKSTIL

Gentian Asli

Pembuatan tekstil tenunan tangan tidak luas dilakukan di Sabah. Terdapat hanya kumpulan penduduk asli tertentu sahaja di kalangan kaum Dusun/Kadazan, Murut dan Iranun yang masih menghasilkan kain cara tradisional dengan menggunakan mesin tenun lama dan lungsin.

Masyarakat asli secara tradisi menenun gentian asli seperti pisang lanut (*Musa textilis*), lamba (*Curculigo latifolia*) dan kapas (*Gossypium herbaceum*) dengan menggunakan mesin tenun lama untuk dijadikan kain yang kemudiannya diwarnakan dengan nila (*Indigofera tinctoria*) untuk mendapatkan warna biru tua. Warna ini merupakan warna kegemaran oleh kerana kemungkinan nila mudah diperolehi dan tidak mudah luntur. Warna ini juga sesuai kerana kotoran tidak mudah kelihatan.

Kain tenunan berbentuk helai ini berukuran kira-kira 1 kaki 3 inci lebar. Helai kain ini kemudian disambung dengan menjahit kedua-dua tepi kain tersebut untuk dijadikan helai kain yang lebih besar atau untuk membuat bahagian-bahagian pakaian seperti anak baju dan gaun atau seluar.

Hiasan

Sambungan tepi kain biasanya dihiasi dengan sulaman atau *linangkit*, *langkit* atau *rangkit*, bergantung kepada daerah di mana ia digunakan.

Sesetengah penduduk asli membuat pakaian daripada kulit kayu seperti *timbangan* untuk dijadikan cawat atau jaket. Kulit berbulu serta kulit tanpa bulu binatang juga dipakai sebagai jaket. Jaket daripada kulit kayu juga dihiasi dengan warna atau kulit siput dan manik.

d. HIASAN DIRI

Manik

Pada masa lalu, batu akik merah, manik-manik kaca berwarna, kulit kowri, butang putih atau cakera yang dibuat daripada cangkerang dan tembaga digunakan untuk menghiasi pakaian lelaki dan perempuan. Pada hari ini, kebanyakan hiasan-hiasan ini diganti dengan manik-manik plastik dan bahan moden yang lain seperti benang emas dan perak, labuci dan benang berwarna.

Seperti dahulu, hiasan-hiasan ini masih lagi disertai dengan tali pinggang yang dibuat daripada berbagai-bagai bahan seperti manik cangkerang dan kaca, duit syiling perak, tembaga dan logam-logam lain, lapik pinggang yang dibuat daripada rotan berwarna untuk mengetatkan gaun, seluar atau anak baju.

Kalung yang dibuat daripada berbagai-bagai bahan dijadikan hiasan leher dan dada. Gelang juga dipakai untuk menghiasi lengan, pergelangan tangan serta kaki.

Tutup Kepala

Tutup kepala seperti terendak atau tudung dipakai oleh kaum lelaki dan wanita sebagai pakaian biasa sebagai pelindung dan penahan peluh. Pada majlis-majlis upacara, terendak-terendak yang dipakai adalah lebih indah dan berwarna-warni. Spesialis ritual memakai tutup kepala dan pakaian dengan hiasan yang banyak yang membezakan mereka dari orang biasa apabila mereka menjalankan sesuatu upacara tradisional.

Kaum lelaki masih memakai *sigah* sejak dari dahulu lagi. *Sigah* atau tanjak ini adalah sekeping kain segiempat yang dipakai dalam berbagai-bagai bentuk mengikut daerah atau asal si pemakai. Kaum wanita pula memakai manik, sisir, tudung dan terendak bergantung pada waktu dan kegiatan yang dilakukan.

V. a. KRAFTANGAN

Fungsi

Kraftangan di kalangan masyarakat asli Sabah bermula dalam usaha mereka untuk berteduh/berlindung, menutup tubuh dan mencari makanan dengan cara yang terbaik sekali. Mereka menghasilkan berbagai-bagai barang yang banyak dengan tumpuhan kepada fungsi bahan yang dihasilkan dan kurang perhatian pada hiasan. Benda-benda yang dihasilkan meliputi kelengkapan rumah, pertanian dan pemburuan di samping benda untuk kegunaan ritual dan upacara keagamaan. Penghasilan kraftangan mereka bergantung pada sumber alam sekitar dan keperluan dari segi budaya.

Kepelbagaian

Kraf yang dihasilkan oleh penduduk dari berbagai-bagai budaya dalam berbilang daerah mempunyai variasi yang luas. Sebagai contoh, penduduk pesisiran pantai yang penghidupannya bergantung pada laut telah menghasilkan alat yang berbeza dari penduduk pedalaman yang masih mengamalkan penanaman padi huma atau padi sawah dan memburu serta menangkap ikan sungai. Perbezaan juga wujud di antara kebudayaan kebendaan penduduk yang mengusahakan padi sawah dan padi huma. Perbezaan bukan sahaja terdapat pada alat-alat 'utilitarian' tetapi juga benda-benda ritual, alat-alat muzik dan ciri-ciri kebudayaan kebendaan yang lain.

Bahan

Keadaan tentang adanya bahan-bahan tempatan juga mempengaruhi jenis kraftangan yang dihasilkan. Di daerah Tambunan, sebagai contoh, penggunaan buluh untuk membuat perkakas rumah, bakul, rumah (termasuk atap) dan pagar sangat luas di kalangan masyarakat Dusun/Kadazan Tambunan. Dalam pada itu, labu pahit yang terdapat di

Tambunan telah menjadikan daerah ini sebagai pusat pengeluaran *sompoton*, sejenis organ mulut yang diperdagangkan di kalangan kumpulan Dusun, walaupun ia juga ada dibuat di tempat-tempat lain. Rotan yang merupakan satu lagi bahan yang tahan digunakan dengan luasnya untuk membuat terendak, bakul, hiasan dinding dan juga pengikat kayu atau buluh. Bahan untuk membuat pakaian tradisional juga diperolehi daripada tumbuhan tempatan, termasuklah kulit kayu, kapas atau gantian tumbuhan daripada nanas, pisang atau kelapa.

Jenis Kraftangan

Kaum lelaki dan wanita secara tradisi membuat berbagai-bagai jenis kraftangan. Di pedalaman Sabah, sebilangan besar kaum wanita membuat terendak, anyaman tikar, tenunan kain, sulaman, bakul-bakul kecil, nyiru dan benda-benda kecil untuk kegunaan seharian. Kaum lelaki pula membuat bakul yang lebih besar, parang, alat-alat membajak dan memburu, jala dan alat menangkap ikan yang lain dan senjata. Di kalangan masyarakat nelayan tepi pantai, kaum lelaki membuat perahu, ukiran kayu, alat penangkap ikan dan wanitanya menenun dan menyulam kain, menganyam tikar dan lain-lain.

Barangan Dagangan

Benda-benda yang dibuat pada masa lalu adalah hanya untuk kegunaan rumah sahaja dan corak asas benda-benda tersebut mencerminkan fungsi asalnya. Hasil yang lebih kadang kala dijual di *tamu* untuk komoditi lain. Dengan cara ini, barang-barang dagangan yang diimport seperti tempayan, manik, benda tembaga, gong tembaga dan kraftangan yang dihasilkan oleh penduduk pesisiran pantai dibawa masuk ke kawasan pedalaman pulau Borneo.

Dengan perhubungan dengan dunia luar yang semakin meningkat, bahan-bahan yang jarang terjumpa diganti dengan benda-benda yang diimport dan lebih murah dalam usaha menghasilkan kraftangan tradisional. Dengan itu, manik-manik kaca yang jarang ditemui telah diganti dengan

manik plastik yang murah dalam penghasilan manik dan hiasan pakaian. Benang kapas import yang murah kini diguna dalam sulaman dan tenunan. Kain kapas dan baldi hitam yang diimport telah digunakan sebagai pengganti kepada kain buatan sendiri secara tradisional dalam penghasilan pakaian.

Bakul

Salah satu kraftangan yang sangat banyak dibuat di Sabah ialah bakul oleh kerana benda ini dipakai oleh hampir semua kumpulan etnik. Bentuk dan jenis bakul bergantung kepada fungsi dan tradisi penduduk yang membuat benda-benda ini.

Artifak berbagai-bagai macam kini telah diubah suai dan dihasilkan untuk memenuhi selera pelancong walaupun sesetengah dari artifak ini masih dibuat dalam bentuk yang asal.

b. MUZIK DAN ALAT-ALATNYA

Keseragaman

Muzik bagi orang Greek adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dari alam percintaan mereka. Muzik di Sabah merupakan sebahagian yang penting bagi hampir setiap kegiatan sosial di peringkat kampung. Muzik melambangkan keselarasan tradisional yang wujud di kalangan penduduknya sejak bertahun-tahun. Ia dimainkan semasa majlis perkahwinan, pertunangan, perayaan menuai, hari ulang tahun pertama kanak-kanak, upacara-upacara keagamaan animisma dan upacara-upacara berkaitan yang penting bagi masyarakat tempatan.

Setiap kumpulan etnik mempunyai bentuk muzik yang tersendiri walaupun banyak alat-alat muzik utama merupakan alat yang sama digunakan. Setiap alat dibuat dengan perasaan sayang dengan memotong, membentuk dan diuji. Berbagai-bagai gabungan alat-alat muzik

mempunyai keistimewaannya sendiri dengan perbezaan dalam segi bentuk, rentak dan nada. Terdapat juga alat-alat muzik tertentu yang hanya digunakan oleh satu kumpulan masyarakat sahaja dan tidak dimainkan oleh masyarakat yang lain.

Muzik tempatan sering berkait rapat dengan tarian. Ia juga berfungsi sebagai muzik latar dalam sesuatu majlis upacara. Sesetengah alat lazimnya digunakan oleh orang perscorangan untuk hiburan diri sendiri.

Tradisi Lisan

Muzik tradisional Sabah tidak mempunyai sistem not yang tradisional dan seni kata lagu juga tidak bertulis. Semua muzik dan nyanyian diturunkan secara tradisi dari generasi ke generasi. Persembahan muzik boleh dilakukan oleh lelaki dan wanita tetapi sesetengah alat muzik secara tradisi dihasilkan khusus sama ada untuk pemuzik lelaki atau wanita sahaja. Sebagai contoh, kaum lelaki umumnya main gong bercombol besar dan gendang dan kaum wanita dengan *kulintangan* dan gong leper.

Jenis Alat Muzik

Kebanyakan alat-alat muzik di Sabah dibuat daripada bahan-bahan asli. Sebagai contoh, *tongkungan*, *turali*, *suling* (atau seruling), *sompoton* dan *togunggak* diperbuat daripada buluh. Alat lain seperti gambus, kompanyang dan gendang diperbuat daripada kulit kambing. Gong dan *kulintangan* dibuat daripada kayu lembut dan menyerupai gitar panjang bertali tiga yang dibuat daripada *giman*, sejenis gentian pokok palma.

Alat-alat muzik di Sabah dikelaskan kepada kordofon (*tongkungan*, *gambus*, *sundatang* atau *gagayan*), erofon (*suling*, *turali* atau *tuahi*, *bungkau* dan *sompoton*), idiofon (*togunggak*, gong, *kulintangan*) dan membranofon (kompanyang, gendang atau *tontog*).

VI. MONUMEN

Pengenalan

Perang Dunia Kedua telah memusnahkan banyak tapak-tapak dan bangunan-bangunan bersejarah di Sabah. Kehobatan pengeboman oleh tentera bersekutu pada akhir peperangan telah mengakibatkan kebanyakan bandar hancur dan menjadi runtuh batu. Akibatnya, pada hari ini bangunan yang dibina sebelum peperangan tidak banyak bilangannya dan kebanyakan bangunan-bangunan yang kelihatan hari ini adalah bangunan yang baru dibina.

Tapak-tapak bersejarah yang masih kekal termasuklah penempatan lama British di Pulau Balembangan, Stesen-stesen Syarikat Berpiagam, satu penempatan yang dibina oleh orang-orang Amerika di Kimanis, daerah Papar dan bangunan peninggalan sebelum peperangan di Labuan. Bagaimanapun, tempat yang lebih menarik pelawat ialah memorial peperangan di Labuan, Kundasang, Ranau, Sandakan dan Petagas.

Di Kota Kinabalu, terdapat tiga bangunan peninggalan sebelum peperangan iaitu Bangunan Lama Pejabat Pos, Menara Jam Atkinson dan Bangunan Lama Kebajikan yang telah diwartakan sebagai bangunan bersejarah.

Memorial Peperangan Kinabalu

